

- (a) Notis Pihak Ketiga bertarikh 21.2.2019 dan Perintah Pengeluaran Notis Pihak Ketiga bertarikh 14.2.2019 terhadap PKP diketepi atau dibatalkan di bawah Aturan 16 Kaedah 6 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;
- (b) Penyata Tuntutan Defendan bertarikh 25.6.2019 terhadap PKP dibatalkan di bawah Aturan 18 Kaedah 19(1)(a) dan/atau Kaedah 19(1)(b), (c) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;
- (c) Keseluruhan prosiding Pihak Ketiga yang difailkan oleh Defendan-Defendan terhadap PKP berdasarkan Notis Pihak Ketiga bertarikh 21.2.2019 dan Penyata Tuntutan Defendan bertarikh 25.6.2019 ditolak;
- (d) Kos permohonan ini dibayar oleh Defendan-Defendan kepada PKP;
- (e) Apa-apa relif lain yang difikirkan adil dan suaimanfaat oleh Mahkamah.

Kes PKP

[2] PKP ialah kakitangan akademik berjawatan Profesor Madya dan jugs sebagai Timbalan Pengarah di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). PKP merupakan penyelia utama bagi Ijazah Doktor Falsafah Defendan Pertama (DI). D1 mendaftar sebagai pelajar pada Semester 1 Sesi 2010/2011 dan menamatkan pengajian selepas lulus peperiksaan lisan (*viva*) sekitar 22.2.2018 iaitu selepas 15 semester pengajian.

[3] Plaintiff telah menfailkan saman terhadap Defendan-Defendan. Berdasarkan Writ dan Penyata Tuntutan Plaintiff, fakta-fakta berikut diperolehi:

- (a) D1 telah memasuki Perjanjian Untuk Fellowship Di Bawah Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) bertarikh 29.10.2010. D1 telah ditawarkan biasiswa atau *Fellowship* untuk mengikuti pengajian pada peringkat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Alam Sekitar dan Pembangunan di UKM;
- (b) D1 hendaklah menyempurnakan pengajian tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan atau yang diluluskan oleh Plaintiff;
- (c) D1 hendaklah mengemukakan laporan kemajuan pengajian enam bulan sekali;
- (d) Sepanjang tempoh pengajian D1, Plaintiff telah mengeluarkan perbelanjaan berjumlah RM153,150.01;
- (e) D1 telah diberi lanjutan masa sebanyak 5 kali sehingga 23.5.3016 untuk menamatkan pengajian Doktor Falsafah;
- (f) D1 telah melanggar kontrak. Oleh itu, Plaintiff menfailkan saman terhadap D1 dan juga terhadap Defendan Kedua dan Defendan Ketiga selaku penjamin-penjamin D1.

[4] Defendan-Defendan telah menfailkan Pembelaan dan mendakwa PKP dan UKM telah cuai kononnya PKP dan UKM telah gagal memaklumkan perkembangan pembelajaran D1 kepada Plaintiff. PKP dan UKM juga dikatakan sengaja nnelewat-lewatkan menyemak atau memeriksa tesis D1. PKP juga dikatakan tidak membenarkan penukaran penyelia utama apabila dipohon oleh D1.

[5] D1 mendakwa menghantar deraf tesis kepada PKP sejak mula belajar pada tahun 2013 sehingga Bab 5. Ini tidak tepat kerana bab-bab tesis berkenaan telah disemak secara berperingkat oleh PKP.

Untuk Bab 1 sahaja, PKP telah menyemaknya sebanyak 4 kali pada Semester 1 Sesi 2013/2014.

[6] D1 mendakwa PKP tidak menyokong D1 bermula dari September 2015. Ini tidak benar kerana sekitar Julai 2015 (Semester 2 Sesi 2014/2015) PKP telah memberi teguran serius kepada D1 untuk membaiki kaedah analisa, penulisan dan pengumpulan data oleh D1. Ini sebahagian tugas PKP sebagai penyelia dan tidak bermakna ianya tidak menyokong D1.

[7] D1 mendakwa beliau ingin menukar penyelia dan ditolak oleh UKM. Permohonan penukaran penyelia adalah tertakluk kepada peraturan pengajian siswazah UKM. Permohonan D1 hanya dibuat pada semester ke-10 sedangkan peraturan UKM tidak membenarkan penukaran penyelia selepas semester ke-3.

[8] D1 menyatakan bahawa pada 22.8.2016, beliau memaklumkan kepada PKP bahawa penghantaran tesis perlu disegerakan kerana tempoh perjanjian dengan Plaintiff hampir tamat. Namun, sejak tahun 2010, D1 tidak pernah memaklumkan mengenai perkara ini dan D1 tidak berusaha gigih untuk menyiapkan kesemua bab tesisnya.

[9] Sekitar 22.7.2016, D1 menghantar draf tesis bagi Bab 1 hingga 8 secara sekaligus kepada PKP melalui emel dan memaklumkan tarikh akhir untuk menyiapkan tesis beliau ialah pada 15.8.2016. Tindakan D1 ini amat tidak professional, terburu-buru dan terdesak dan tidak berhemah kerana PKP tidak pernah diberikan draf pertama Bab 6,7 dan 8 pada semester-semester terdahulu.

[10] Selaku penyelia, PKP jugs memerlukan masa untuk meneliti kandungan setiap bab yang diserahkan. Tesis ini adalah di peringkat Ijazah Doktor Falsafah dan bukannya tugas lazim pelajar pra siswazah. PKP perlu bertindak sebagai penyelia secara professional.

[11] D1 sendiri yang melengah-lengahkan masa selama 4 tahun pertama pengajian dan kini meletakkan kesalahan pada PKP dan UKM. Defendan-Defendan menuntut PKP membayar segala kerugian yang dituntut oleh Plaintiff terhadap mereka. Tuntutan ini tidak berasas kerana PKP bukan pihak kepada perjanjian dengan Plaintiff dan PKP tidak tahu tarikh akhir pengajian yang perlu dipatuhi atau ditamatkan oleh D1 menurut arahan Plaintiff.

[12] Tanggungjawab menyiapkan tesis adalah tanggungjawab D1. PKP hanya membantu untuk menyelia, membuat semakan dari segi kaedah pengumpulan data, ketulenan data, membetulkan metodologi kajian, memberikan pandangan dan teguran.

[13] Pada 28.8.2016, D1 memaklumkan kepada PKP bahawa beliau tidak boleh mendaftar dan telah diberhentikan pengajian. In' berdasarkan Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2015 yang memperuntukkan pelajar siswazah akan diberhentikan jika terdapat 2 kali ingatan dan 1 kali amaran diberikan dalam Laporan Kemajuan Calon (LKC).

[14] PKP masih membuat semakan dan pembetulan terhadap tesis D1 walau pun D1 masih tidak bertemu dengan PKP dan sementara D1 membuat rayuan kepada Senat UKM.

[15] Selepas rayuan meneruskan pengajian dibenarkan, PKP telah menyerahkan melalui emel Bab 5, 6, 7 dan 8 yang telah disemak untuk tindakan pembetulan oleh D1. D1 pada sekitar Ogos 2017 telah menyerahkan notis penyerahan tesis dan kemudiannya telah berjaya menamatkan pengajian ijazah doktor falsafah selepas peperiksaan lisan (*viva*) dijalankan pada 22.2.2018.

[16] Mengenai tuntutan Defendan Kedua dan Defendan Ketiga, PKP langsung tidak mempunyai sebarang pertalian dengan mereka dan PKP bukan *privy* kepada Perjanjian Jaminan yang ditandatangani oleh

mereka dengan Plaintiff. Defendan Kedua dan Defendan Ketiga sendiri bersetuju menjadi penjamin kepada D1.

[17] Tuntutan kecuaiian oleh Defendan-Defendan terhadap PKP adalah tidak *bona fide* dan suatu usaha melepaskan diri dari tanggungjawab kontrak mereka kepada Plaintiff. Tiada butiran kecuaiian dan tugas berhati-hati diplidkan dengan jelas terhadap D1.

[18] Tuntutan Defendan-Defendan terhadap PKP adalah remeh, menyusahkan dan satu penyalahgunaan proses mahkamah apatah lagi tindakan terhadap UKM selaku Pihak Ketiga Kedua telah ditarik balik tetapi enggan menarik balik tindakan terhadap PKP.

[19] PKP tidak mempunyai kawalan atau kuasa ke atas sebarang keputusan berkenaan peraturan-peraturan universiti, kelulusan Senat dan kelulusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah LESTARI. PKP juga tidak mempunyai kawalan menyegerakan proses *viva* kerana kesemua ini berada dengan pihak dalaman UKM. Oleh itu tidak adil untuk PKP dipertanggungjawabkan secara peribadi.

[20] Plaintiff telah memperolehi Penghakiman Terus terhadap Defendan-Defendan pada 11.6.2019. Defendan-Defendan telah menarik balik tindakan terhadap UKM selaku Pihak Ketiga Kedua. Rayuan Defendan-Defendan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen mengenai Penghakiman Terus berkenaan telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi.

Kes Defendan-Defendan

[21] PKP sedia maklum D1 tidak serasi dengan PKP. PKP tidak pernah mencadangkan supaya D1 bekerja dengan Penyelia Kedua iaitu Profesor Shukor Md Noor. Profesor Shukor Md Noor telah

menghantar emel kepada PKP untuk berbincang tentang keadaan D1 dan cadangan penukaran penyelia. Tiada maklum balas dari PKP.

[22] D1 dimaklumkan oleh Profesor Talib Latif yang merupakan Timbalan Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan merangkap Pengerusi Pengajian Siswazah bahawa sebelum D1 memohon untuk menukar penyelia, telah ada pelajar yang dibenarkan menukar penyelia walau pun telah melebihi 3 semester.

[23] Profesor Talib Latif memaklumkan kepada D1 bahawa beliau beberapa kali telah mencuba untuk berjumpa dan berbincang dengan PKP tentang masalah D1 tetapi tidak berjaya.

[24] Tuntutan terhadap PKP adalah kerana kecuaiian dan kegagalan melaksanakan tanggungjawab sebagai penyelia dan bukan tuntutan kontrak. D1 diberhentikan dari UKM kerana tindakan PKP yang telah memberi 2 ingatan dan 1 amaran sedangkan PKP sendiri gagal menyelia dan gagal mengambil tahu kenapa D1 tidak berjumpa PKP dan sama ada D1 telah berjumpa Penyelia Kedua iaitu Profesor Shukor Md Noor.

Keputusan Mahkamah

[25] Setelah meneliti kes PKP dan kes Defendan-Defendan seperti mana di atas, Mahkamah berpendapat Defendan-Defendan tidak mempunyai asas untuk menjadikan PKP sebagai pihak ketiga di dalam kes ini.

[26] Walau pun Defendan-Defendan mengatakan tuntutan terhadap PKP adalah kerana kecuaiian dan kegagalan melaksanakan tanggungjawab sebagai penyelia dan bukan tuntutan kontrak, apa yang jelas ialah implikasi tuntutan terhadap pihak ketiga di dalam sesuatu kes ialah supaya pihak ketiga menanggung rugi defendan akan

penghakiman yang diperolehi oleh plaintif terhadap defendan. Oleh itu, Mahkamah bersetuju dengan PKP bahawa tuntutan kecuaiian oleh Defendan-Defendan terhadap PKP adalah tidak *bona fide* dan suatu usaha melepaskan diri dari tanggungjawab kontrak Defendan-Defendan kepada Plaintif.

[27] PKP tidak boleh dipersalahkan kerana:

(a) PKP bukan pihak kepada Perjanjian Untuk Fellowship Di Bawah Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) bertarikh 29.10.2010 dengan Plaintif dan Perjanjian Jaminan dengan Plaintif;

(b) PKP tidak tahu tarikh akhir pengajian yang perlu dipatuhi atau ditamatkan oleh D1 menurut arahan Plaintif;

(c) tanggungjawab menyiapkan tesis adalah tanggungjawab D1. PKP hanya membantu untuk menyelia, membuat semakan dari segi kaedah pengumpulan data, ketulenan data, membetulkan metodologi kajian, memberikan pandangan dan teguran;

(d) alasan D1 tidak boleh diterima apabila mengatakan PKP sendiri gagal menyelia dan gagal mengambil tahu kenapa D1 tidak berjumpa PKP dan sama ada D1 telah berjumpa Penyelia Kedua iaitu Profesor Shukor Md Noor. Sebagai siswazah yang mengikuti Ijazah Doktor Falsafah, D1 bukannya pelajar sekolah atau pelajar peringkat pra siswazah yang perlu dipimpin dan diberi panduan. Adakah D1 perlu ditunjuk ajar dan tidak mempunyai inisiatif sendiri untuk mengambil tindakan berjumpa PKP dan Penyelia Kedua iaitu Profesor Shukor Md Noor?

[28] PKP bukanlah *privy* kepada Perjanjian Untuk Fellowship Di Bawah Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) bertarikh 29.10.2010 dengan Plaintif dan Perjanjian Jaminan dengan Plaintif. Oleh itu, PKP tidak terikat dengan syarat-syarat di dalam kedua-dua

Perjanjian di atas dan syarat-syarat di dalam kedua-dua Perjanjian berkenaan tidak boleh dikuatkuasakan terhadap PKP.

[29] Di dalam kes *Greenwood Shopping Plaza Limited lwn. Robert Walker Beattie and Roy Vincent Pettipas* [1980] 2 SCR 228 dinyatakan “*no one but the parties to a contract can be bound by it or entitled under it*” dan di dalam kes *Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd lwn. Dynaforce Corporation Sdn Bhd* [2015] 1 MLJ 284 Mahkamah Rayuan menyatakan “*only the parties to the contract have enforceable rights and obligations under the contract*”.

[30] Memandangkan PKP bukan *privy* di dalam kedua-dua Perjanjian tersebut maka sudah tentulah PKP tidak mengetahui akan kewujudan Perjanjian-Perjanjian berkenaan dan oleh itu bukanlah di dalam pengetahuan beliau akan tarikh akhir pengajian yang perlu dipatuhi atau ditamatkan oleh D1 menurut arahan Plaintiff.

[31] Di dalam kes yang dirujuk oleh peguam PKP iaitu kes *Sime Darby Bhd & Ors lwn. Dato’ Seri Ahmad Zubair (, Ahmad Zubir Bin Hj. Murshid & Ors (Tun Musa Hitam & Ors, third parties)* [2012] 9 MLJ 464, Mahkamah Tinggi memutuskan seperti berikut:

“This court found that none of the relationships that gave rise to an indemnity or an obligation to indemnify, which was recognized either in law or in equity, existed between any of the third parties and the first and second defendants. The third parties had never requested the first and second defendants to act or commit any of the wrongs as alleged by the plaintiffs in main action”.

[32] Di dalam suatu kes lain yang juga dirujuk oleh peguam PKP iaitu kes *Zulkifie Bin Sabarudin lwn. Fauziah Bte Arshad (Arifah Bte Arshad, Third Party)* [2005] 5 MLJ 229, Mahkamah Tinggi memutuskan seperti berikut:

“...the third party has no knowledge of the contract between the defendant and the plaintiff.... In such a situation, it would be difficult to relate the issue in the main suit filed by the plaintiff to the third party.... The defendant too has failed to prove the existence of any connection between the plaintiff and the third party as well as the existence of any knowledge on the part of the third party in regard to the suit filed by the plaintiff or the transaction entered into between the defendant and the plaintiff”.

[33] Defendan-Defendan mengatakan bahawa:

(a) Profesor Shukor Md Noor telah menghantar emel kepada PKP untuk berbincang tentang keadaan D1 dan cadangan penukaran penyelia. Tiada maklum balas dari PKP;

(b) D1 dimaklumkan oleh Profesor Talib Latif yang merupakan Timbalan Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan merangkap Pengerusi Pengajian Siswazah bahawa sebelum D1 memohon untuk menukar penyelia, telah ada pelajar yang dibenarkan menukar penyelia walau pun telah melebihi 3 semester;

(c) Profesor Talib Latif memaklumkan kepada D1 bahawa beliau beberapa kali telah mencuba untuk berjumpa dan berbincang dengan PKP tentang masalah D1 tetapi tidak berjaya.

[34] Walau bagaimanapun, tiada sebarang affidavit sokongan dari Profesor Shukor Md Noor dan Profesor Talib Latif difailkan bagi mengesahkan apa yang dikatakan oleh Defendan-Defendan seperti di atas. Oleh itu, keterangan Defendan-Defendan adalah bersifat keterangan dengar cakap atau *hearsay evidence*. *Hearsay evidence* tidak mempunyai nilai keterangan di sisi Mahkamah.

[35] Di dalam kes *Teper lwn. Are* [1952] AC 480 dinyatakan seperti berikut: *“The rule against the admission of hearsay evidence is*

fundamental. It is not the best evidence, and it is not delivered on oath, The truthfulness and accuracy of the person whose words are spoken by another witness cannot be tested by cross-examination and the light which his demeanour would throw on his testimony is lost”.

[36] Di dalam kes *Leong Hong Khie lwn. Public Prosecutor Tan Gong Wai lwn. Public Prosecutor* [1986] 2 MLJ 206 Mahkamah Agung menyatakan “*The general rule is that hearsay evidence is not admissible as proof of a fact which has been stated by a third person. This rule has been long established as a fundamental principle of the law of evidence*”.

[37] Defendan-Defendan telah menarik balik tindakan terhadap UKM sebagai Pihak Ketiga Kedua dan mengekalkan PKP sebagai Pihak Ketiga. PKP dikatakan tidak membenarkan penukaran penyelia utama apabila dipohon oleh D1.

[38] PKP telah membalas kembali dengan mengatakan permohonan penukaran penyelia adalah tertakiuk kepada peraturan pengajian siswazah UKM. Permohonan D1 hanya dibuat pada semester ke-10 sedangkan peraturan UKM tidak membenarkan penukaran penyelia selepas semester ke-3.

[39] PKP juga mengatakan:

(a) Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2015 memperuntukkan pelajar siswazah akan diberhentikan jika terdapat 2 kali ingatan dan 1 kali amaran diberikan dalam Laporan Kemajuan Calon (LKC);

(b) PKP tidak mempunyai kawalan atau kuasa ke atas sebarang keputusan berkenaan peraturan-peraturan universiti, kelulusan Senat dan kelulusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah LESTARI. PKP juga

tidak mempunyai kawalan menyegerakan proses *viva* kerana kesemua ini berada dengan pihak dalaman UKM.

[40] Berdasarkan jawapan-jawapan PKP di atas, Mahkamah berpendapat Defendan-Defendan tidak seharusnya menarik balik tindakan terhadap UKM dan hanya mengekalkan PKP sebagai Pihak Ketiga. UKM adalah pembuat dasar seperti mana jawapan-jawapan yang dikemukakan oleh PKP. Sekiranya, tindakan terhadap UKM ditarik balik maka perkara yang sama harus juga dilakukan terhadap PKP.

[41] Di dalam kes *Punj Lloyd Oil & Gas (M) Sdn Bhd lwn. Etiqa Insurance Bhd & Ors* [2016] MLJU 86 Mahkamah Rayuan telah menyatakan seperti berikut:

“The High Court in Hanhyo Sdn Bhd v. Marplan Sdn Bhd & Ors [1991] 3 CLJ 1783, also considered and laid down the principles in respect of discontinuance. Lim Beng Choon J, held at p 693 that:

The principles that can be extracted from the aforementioned cases are that the Court would not compel a Respondent to continue his action against a defendant if he does not want to do so provided no injustice is caused to the defendant. Injustice would be caused to the defendant if:

(1) the discontinuance was made with ulterior motive to obtain a collateral advantage as in the case of Castanho v. Brown & Root Ltd;

(2) the discontinuance was not made bona fide by the Plaintiff but it was made in order to obtain an advantage to which he has no right to retain since he has ceased to be dominus litis as the defendant has a perfectly good defence — see Overseas Union Finance Ltd v. Lim Joo Chong [1971] 1 LNS 101 case.

(3) *by the discontinuance of the action the defendant would be deprived of an advantage which he has already gained in the litigation — see Covell Matthews & Partners v. French Wools Ltd case”.*

[42] Berdasarkan kes di atas Defendan-Defendan tidak seharusnya menarik balik tindakan terhadap UKM atas sebab-sebab berikut:

- (a) UKM merupakan *dominus litis* di dalam kes ini. UKM adalah pembuat dasar atau polisi berkenaan beberapa perkara antaranya mengenai penukaran penyelia di mana UKM tidak membenarkan penukaran penyelia selepas semester ke-3, pemberhentian pelajar siswazah jika terdapat 2 kali ingatan dan 1 kali amaran diberikan dalam Laporan Kemajuan Calon (LKC), peraturan-peraturan universiti, kelulusan Senat dan kelulusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah LESTARI, proses *viva* dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan pentadbiran dan hal ehwal pelajar;
- (b) Walau pun Defendan-Defendan tidak boleh dipaksa untuk meneruskan tindakannya terhadap UKM jika Defendan-Defendan tidak mahu berbuat demikian namun tuntutan terhadap PKP semata-mata tanpa UKM adalah janggal kerana PKP hanya melaksanakan dasar atau polisi yang ditetapkan oleh UKM. Tindakan PKP dengan UKM adalah saling berkait rapat antara satu dengan yang lain. Penarikan balik tindakan terhadap UKM akan memprejudiskan PKP dan menyebabkan berlaku ketidakadilan terhadap PKP.

[43] Oleh kerana itulah sekiranya tindakan terhadap UKM ditarik balik maka perkara yang sama harus juga dilakukan terhadap PKP. Jika pun tindakan ini diteruskan dengan hanya mengekalkan PKP,

seperti mana yang dinyatakan terlebih dahulu daripada ini Defendan-Defendan tidak mempunyai asas untuk menjadikan PKP sebagai pihak ketiga kerana implikasi tuntutan terhadap pihak ketiga di dalam sesuatu kes ialah supaya pihak ketiga menanggung rugi defendan akan penghakiman yang diperolehi oleh plaintif terhadap defendan sedangkan PKP bukan pihak kepada Perjanjian Untuk Fellowship Di Bawah Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) bertarikh 29.10.2010 dengan Plaintif dan Perjanjian Jaminan dengan Plaintif dan PKP tidak tahu tarikh akhir pengajian yang perlu dipatuhi atau ditamatkan oleh D1 menurut arahan Plaintif. Tindakan Defendan-Defendan ini tidak lain hanyalah suatu usaha melepaskan diri dari tanggungjawab kontrak Defendan-Defendan kepada Plaintif.

[44] Berdasarkan perkara-perkara di atas, Mahkamah memutuskan Notis Permohonan PKP seperti mana dalam Lampiran 38 dibenarkan dengan kos sebanyak RM3,000.00 dibayar oleh Defendan-Defendan kepada PKP.

Tarikh: 15 JULAI 2020

(JOHARI HASSAN)

Hakim

Mahkamah Sesyen Georgetown

Pulau Pinang

KAUNSEL:

Bagi pihak defendan-defendan - Bertindak Sendiri

Bagi pihak ketiga pertama - T/n Akram Hizri Azad & Azmir

Kes-kes yang dirujuk:



[2020] 5 LNS 17

Legal Network Series

Greenwood Shopping Plaza Limited lwn. Robert Walker Beattie and Roy Vincent Pettipas [1980] 2 SCR 228

Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd lwn. Dynaforce Corporation Sdn Bhd [2015] 1 MLJ 284

Sime Darby Bhd & Ors lwn. Dato' Seri Ahmad Zubair, (Ahmad Zubir Bin Hj. Murshid & Ors (Tun Musa Hitam & Ors, third parties) [2012] 9 MLJ 464

Zulkifie Bin Sabarudin lwn. Fauziah Bte Arshad (Arifah Bte Arshad, Third Party) [2005] 5 MLJ 229

Teper lwn. Are [1952] AC 480

Leong Hong Khie lwn. Public Prosecutor Tan Gong Wai lwn. Public Prosecutor [1986] 2 MLJ 206

Punj Lloyd Oil & Gas (M) Sdn Bhd lwn. Etiqa Insurance Bhd & Ors [2016] MLJU 86